MUHAMMAD NUR MANUTY – CITRA ILMUWAN PELBAGAI DISIPLIN

Dr Mohamed Hadi bin Abd Hamid
Universiti Malaya
drhadilegal@gmail.com

PENDAHULUAN

Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty (12 Disember 1949 – 26 Jun 2025) merupakan tokoh ilmuwan yang berpengalaman luas dalam bidang pentadbiran, dakwah dan politik. Beliau merupakan Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dari 8 Mei 2023 dan berkhidmat sehingga akhir hayat beliau.

PENDIDIKAN

Dr. Nur Manuty dilahirkan di Kampung Jelai, Batu Kurau, Perak dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Jelai dan Madrasah Al-Rushdiyyah, Jelai. Beliau melanjutkan pendidikan menengahnya di Sekolah Izzuddin Shah, Ipoh dari tahun 1962 hingga 1967. Beliau seterusnya melanjutkan pengajian tingkatan enamnya di Kolej Islam Malaya, Petaling Jaya sebelum menjadi kumpulan perintis mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sewaktu UKM mula-mula ditubuhkan pada tahun 1970.

Sewaktu menuntut di UKM, beliau terlibat aktif dalam gerakan mahasiswa sehingga dilantik sebagai Setiausaha Agung Persatuan Mahasiswa UKM. Di peringkat gerakan mahasiswa kebangsaan, beliau turut dilantik sebagai Setiausaha Agung Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dari tahun 1971 hingga 1973.

Beliau lulus ijazah sarjana muda pengajian Islam di UKM pada tahun 1974 dan diterima berkhidmat sebagai pensyarah di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam di UKM. Ketika

bertugas di UKM, beliau melanjutkan pengajian dalam bidang sarjana di Universiti Temple, Philadelphia, Amerika Syarikat buat kali pertama pada tahun 1978. Di Philadelphia, beliau melanjutkan pengajian sarjana dalam bidang pemikiran Islam dan perbandingan agama serta bergaul rapat dengan tokoh sarjana Islam seperti Ismail Raji Al-Faruqi dan Seyyed Hossein Nasr.

Beliau juga menjadi kumpulan pensyarah perintis yang menyertai UIAM sebaik sahaja UIAM ditubuhkan pada tahun 1983. Ketika di UIAM, beliau menyambung pengajian buat kali kedua di Universiti Temple dan kali ini menyiapkan pengajian doktor falsafah (PhD) di bawah bimbingan penyelia Profesor Dr Ismail Raji Al-Faruqi.

PENGLIBATAN UNIVERSITI DAN KEMASYARAKATAN

Beliau memiliki pengalaman yang luas dalam bidang pentadbiran di universiti. Selain bertugas sebagai pensyarah di Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama, Kulliyyah (Fakulti) Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, UIAM, beliau merupakan Dekan Hal Ehwal Pelajar di UIAM dari tahun 1990 hingga 1995. Beliau seterusnya dilantik sebagai Dekan Pusat Pengajian Lanjutan dan Khidmat Masyarakat di UIAM dari tahun 1995 hingga 1998.

Dalam masa yang sama, beliau terlibat aktif dalam pertubuhan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Beliau mula aktif di peringkat ABIM Pusat apabila dilantik sebagai Ketua Biro Dakwah ABIM pada tahun 1988. Ketika sesi 1989 – 1991, beliau dilantik sebagai Naib Presiden II ABIM. Beliau seterusnya dilantik sebagai Presiden ABIM keempat pada Ogos 1991 bagi menggantikan Dato' Dr. Siddiq Fadzil. Beliau memimpin ABIM selama enam tahun iaitu tiga penggal berturut-turut sehingga September 1997. Sepanjang memimpin ABIM, beliau telah meletakkan ABIM sebagai rakan dalam pembinaan negara, sementelah Presiden ABIM kedua ketika itu, Dato' Seri Anwar Ibrahim sedang berada dalam kerajaan sebagai menteri kabinet dan Timbalan Perdana Menteri serta Timbalan Presiden UMNO. ABIM mengambil peranan dalam

membantu menyemarakkan proses penghayatan dan pembudayaan Islam dalam jentera kerajaan, serta mengisi agenda Islamisasi dalam masyarakat dan negara.

PENGLIBATAN POLITIK

Ekoran kemelut politik yang melanda negara selepas pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 2 September 1998, Dr Nur Manuty telah mengambil keputusan untuk terjun ke bidang politik dan terlibat dalam Parti Keadilan Nasional (keADILan) dari tahun 1999 hingga 2001. Beliau seterusnya dilantik sebagai ahli Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) keADILan. Ketika pilihan raya umum ke-10 pada 29 November 1999, beliau bertanding di parlimen Larut, Perak namun tewas di tangan calon Barisan Nasional (BN) dengan majoriti 4,009 undi.

Selepas tewas dalam pemilihan Timbalan Presiden keADILan pada tahun 2001, beliau mengambil keputusan untuk berundur dari kegiatan politik dan kembali bergiat aktif dalam kegiatan kemasyarakatan melalui Wadah Pencerdasan Umat Malaysia atau WADAH. WADAH merupakan platform bagi bekas pimpinan dan aktivis ABIM untuk meneruskan kesinambungan perjuangan dalam bidang dakwah dan pendidikan. Beliau dilantik sebagai Timbalan Presiden WADAH untuk sesi 2006/2009 dan 2009/2012.

Dalam masa yang sama, beliau terlibat sebagai perunding pendidikan Islam untuk pertubuhan dakwah Darul Arqam Singapura di bawah pimpinan Ridzuan Wu. Beliau memperuntukkan masa selama enam hari dalam sebulan untuk mengajar subjek-subjek berkaitan Islam kepada saudara baru Muslim di Singapura dan kegiatan dakwah ini berterusan dari tahun 2000 hingga 2009.

Pada tahun 2008, atas permintaan Dato' Seri Anwar Ibrahim, Dr Nur Manuty kembali bergiat aktif dalam arena politik serta dilantik menjadi ahli Majlis Pimpinan Pusat dalam Parti Keadilan Rakyat, iaitu nama baharu bagi parti keADILan selepas menjalani penggabungan dengan Parti Rakyat Malaysia (PRM) pada tahun

2003. Beliau turut mempengerusikan Biro Pemahaman dan Pemantapan Agama (BIPPA) parti. Selaku pengerusi BIPPA, beliau giat mempromosikan pembudayaan fiqh hidup bersama atau fiqh al-ta'ayush khususnya dalam konteks Malaysia yang mempunyai masyarakat pelbagai agama dan kaum. Tajuk-tajuk seperti Islam sebagai rahmat buat sekalian alam dan kehidupan masyarakat majmuk di zaman Rasulullah SAW sering menjadi topik diskusi dan pembentangan dalam kegiatan BIPPA.

Beliau turut memegang pelbagai jawatan lain dalam parti termasuklah Ketua Penerangan dan Pengerusi negeri Perak. Ketika pilihan raya umum ke-13 pada 5 Mei 2013, beliau bertanding di parlimen Bagan Serai namun tewas di tangan calon BN dengan majoriti 1,140 undi.

Walaupun terlibat dalam politik kepartian, namun Dr Nur Manuty tidak meninggalkan sepenuhnya aspek pendidikan. Jiwa beliau sebagai pendidik tidak dapat dipisahkan dan telah sebati dalam kegiatan hariannya. Beliau menjadi felo kanan di Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) dari tahun 2008 hingga 2012 dan bertanggungjawab mengajar subjek dakwah untuk para pelajar diploma pengajian dakwah di KUIS. Pada tahun 2008, beliau turut diundang menjadi sarjana pelawat di Markfield Institute of Higher Education (MIHE) di Leicester, United Kingdom selama enam bulan. Sewaktu di MIHE, beliau diminta untuk mengajar subjek falsafah Islam di peringkat sarjana. Beliau seterusnya menyertai Universiti Selangor (UNISEL) sebagai profesor madya dari tahun 2012 hingga 2014 untuk mengajar subjek pendidikan Islam serta Tamadun Islam dan Tamadun Asia.

MENJADI SENATOR

Dalam kesibukan menangani urusan politik dan pendidikan, Dr Nur Manuty dilantik sebagai Ahli Dewan Negara (Senator) bagi mewakili Dewan Negeri Selangor pada 17 Disember 2015. Seiring dengan pelantikan senator, beliau turut dilantik sebagai Pegawai Dasar Agama di Pejabat Dato' Menteri Besar Selangor. Beliau berperanan

menyediakan bahan-bahan berkaitan agama Islam dalam ucapan-ucapan rasmi Dato' Menteri Besar Selangor serta mewakili Dato' Menteri Besar Selangor dalam beberapa majlis rasmi.

Sepanjang berkhidmat sebagai senator, beliau telah menyuarakan isu-isu yang melibatkan kepentingan umat Islam di Dewan Negara. Antaranya termasuklah isu reformasi institusi Islam, pemerkasaan mahkamah syariah dan tadbir urus Lembaga Tabung Haji. Isu-isu nasional seperti gejala rasuah, kebebasan akademik dan autonomi universiti turut disentuh oleh Dr Nur Manuty dalam ucapan beliau di Dewan Negara, di samping isu nasib umat Islam di Palestin serta kekejaman rejim zionis Israel. Beliau berkhidmat sebagai senator selama sepenggal untuk tempoh tiga tahun sehingga 16 Disember 2018.

KEMBALI KE UNIVERSITI

Tidak lama sebelum perkhidmatan beliau sebagai senator tamat, beliau dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) pada 1 Oktober 2018. Secara tidak langsung penglibatan beliau sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah UniSZA telah mengakhiri kembara beliau dalam dunia politik. Di UniSZA, beliau memperkasakan wacana Maqasid Syariah dan menjemput tokoh Maqasid Syariah iaitu Syeikh Dr Ahmad Al-Raysuni yang merupakan Presiden Kesatuan Ulama Muslimin Sedunia sebagai profesor pelawat di UniSZA.

Ekoran pertukaran kerajaan persekutuan pada Mac 2020, perkhidmatan Dr Nur Manuty sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah di UniSZA disingkatkan dan berakhir pada Jun 2020. Selain itu, beliau turut dilantik sebagai Presiden Kolej Dar Al-Hikmah pada 1 November 2021.

PENGERUSI IKIM

Beliau dilantik sebagai Pengerusi IKIM pada 8 Mei 2023 bagi menggantikan Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Mohd Kamal Hassan

yang meninggal dunia pada 23 Februari 2023. Penglibatan Dr Nur Manuty dengan IKIM bukanlah baru kerana beliau pernah menjadi Ahli Lembaga Pengarah IKIM sejak awal penubuhan IKIM lagi dari tahun 1994 hingga 1998.

PEMIKIRAN

Selaku tokoh ilmuwan perbandingan agama yang hidup dalam sebuah negara yang berbilang kaum, Dr Nur Manuty sangat aktif mempromosikan agenda fiqh al-ta'ayush al-silmi atau fiqh kedamaian hidup bersama. Beliau turut menumpukan kajian dalam aspek ketamadunan Islam melalui penubuhan Pusat Kajian Modeniti dan Masyarakat Madani atau CESMACS. Melalui IKIM, beliau aktif mempromosikan konsep Malaysia Madani yang menekankan aspek kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan dalam pentadbiran negara.

KARYA-KARYA

Di bawah penyelenggaraan CESMACS, beliau pernah menterjemahkan kitab karangan tokoh pemikir Islam dari Mesir iaitu Syeikh Dr Muhammad 'Imarah berjudul Al-'Ata' Al-Hadhari lil-Islam atau dalam bahasa Melayu bermaksud Anugerah Islam Untuk Ketamadunan (2006). Beliau mengagumi pemikiran Dr Muhammad 'Imarah yang menonjolkan Al-Quran sebagai tunjang tamadun Islam yang bersifat universal. Buku ini bukan sahaja sarat dengan idea-idea konvensional mengenai tamadun, malah turut mengemukakan idea-idea baharu yang praktikal untuk membina semula tamadun Islam yang lebih bermakna di masa hadapan. Selain itu, beliau turut menghasilkan buku Fenomena Pemikiran Islam Liberal dan Implikasinya kepada Kedudukan Islam dan Penganutnya di Malaysia: Beberapa Refleksi (2008) yang mengupas cabaran semasa pemikiran Islam Liberal dan Polemik Isu Kalimah Allah: Antara Targhib dan Tarhib (2010) yang mengupas kewajaran kalimah Allah digunapakai oleh penganut Kristian.

Beliau turut menghasilkan autobiografi beliau berjudul Jejak-Jejak Pencerahan Umat yang diterbitkan pada tahun 2021. Dr Nur Manuty juga sempat mengusahakan penerbitan dua buku beliau yang terakhir di penghujung usia beliau iaitu Sinergi Ilmuwan - Pemerintah dalam Merealisasikan Malaysia Madani terbitan IKIM dan Melestari Fiqh Al-Ta'ayush Al-Silmi Dalam Komuniti ASEAN: Perkembangan dan Cabaran, terbitan Akademi Kajian Ketamadunan.

PENGIKTIRAFAN

Dr. Nur Manuty dikurniakan Darjah Paduka Cura Si Manja Kini (P.C.M) oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak pada tahun 1996. Beliau turut dikurniakan Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) dengan gelaran Dato' oleh kerajaan negeri Pulau Pinang pada tahun 2018.

PEMERGIAN

Setelah bertarung dengan komplikasi pelbagai penyakit, Dr. Nur Manuty menghembuskan nafasnya yang terakhir di Hospital Sultan Idris Shah, Serdang pada 26 Jun 2025, jam 11.27 pagi. Beliau meninggalkan balu, Datin Fauziah Amran serta lima orang cahaya mata iaitu Muhammad Faiz, Shifa, Muhammad Fakhar, Muhammad Fauzi dan Muhammad Fauzan.

Sebaik sahaja berita kematian beliau tersebar, ucapan takziah mencurah-curah datang dari pelbagai pihak termasuk organisasi-organisasi antarabangsa. Antara yang terawal mengucapkan takziah ialah Presiden Kesatuan Ulama Muslimin Sedunia, Syeikh Profesor Dr 'Ali Muhyiddin Al-Qarahdaghi. Dalam ucapan takziah beliau, beliau menyifatkan Dr. Muhammad Nur Manuty sebagai tokoh yang unggul dan ikhlas dalam menyebarkan dakwah Islam, mendukung nilai-nilai Islam yang murni dan memperjuangkan keadilan serta hak asasi manusia. Beliau dikenali sebagai seorang yang memiliki pemikiran yang mendalam, berakhlak mulia, petah berkata-kata serta ikhlas dalam kegiatan dakwah dan pendidikan.

Dalam perutusan takziah Perdana Menteri sekembalinya Dr Nur Manuty ke rahmatullah, Dato' Seri Anwar Ibrahim merakamkan rasa terkesan dan sangat sedih atas pemergian Dr. Nur Manuty. Dato' Seri Anwar Ibrahim menggambarkan Dr Nur Manuty sebagai sahabat karib beliau yang bergerak aktif di lapangan pemikiran agama, pendidikan dan intelektual, tidak ketinggalan dalam bidang politik. Memetik kata pengantar Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam autobiografi Jejak-Jejak Pencerahan Umat, "saya kagum dengan thiqah dan ketaatan Dr Muhammad Nur Manuty yang sentiasa akur melaksanakan arahan parti walau dalam kemudahan atau kesulitan, ditelan segala pahit dan manisnya demi sebuah erti perjuangan".

Semoga Allah SWT mencucuri rahmat ke atas roh Dr Muhammad Nur Manuty.

RUJUKAN

Md Sidin Ahmad Ishak. 1996. *Angkatan Belia Islam Malaysia (1971 – 1996)*. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia

Muhammad Nur Manuty. 2006. *Anugerah Islam Untuk Ketamadunan.* Kuala Terengganu: Terengganu Development Institute

Muhammad Nur Manuty. 2008. *Fenomena Pemikiran Islam Liberal dan Implikasinya kepada Kedudukan Islam dan Penganutnya di Malaysia: Beberapa Refleksi.* Kuala Terengganu: Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu.

Muhammad Nur Manuty & Wan Ji Wan Hussin. 2010. *Polemik Isu Kalimah Allah: Antara Targhib dan Tarhib*. Kuala Lumpur: Penerbitan Ilham Baru

Muhammad Nur Manuty. 2021. *Jejak-Jejak Pencerahan Umat.* Bandar Baru Bangi: Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH)

Muhammad Nur Manuty. 2025. *Sinergi Ilmuwan – Pemerintah dalam Merealisasikan Malaysia MADANI*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia

Muhammad Nur Manuty. 2025. *Melestari Fiqh Al-Ta'ayush Al-Silmi Dalam Komuniti ASEAN: Perkembangan dan Cabaran.* Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan